

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8961**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan permit ceramah yang diterima dan ditolak sepanjang Pilihan Raya DUN Sarawak Ke-11 mengikut kategori DUN dan Parti Politik. Apakah ada sebarang aduan berkaitan sikap berat sebelah polis dalam meluluskan apa-apa permohonan permit ceramah.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 24B (3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, seseorang calon atau ejen pilihanraya semasa tempoh berkempen boleh mengatur perjumpaan, perhimpunan, pertunjukan atau hiburan atau memberikan ucapan atau syarahan awam terbuka di bahagian pilihanraya yang baginya calon itu bertanding tetapi hanya jika memegang satu permit berbuat demikian yang dikeluarkan kepadanya oleh pegawai polis yang menjaga daerah di mana kempen hendak diberikan. Semasa kempen Pilihan Raya Negeri Sarawak 2016 (PRN 11) yang bermula pada 25 April 2016 selepas penamaan calon dan tamat pada tengah malam 6 Mei 2016, sejumlah 2490 ceramah yang mempunyai permit dan 9 ceramah tanpa permit telah dilaporkan. Antaranya parti yang memohon permit ceramah iaitu Barisan Nasional (1554), Pembangkang (693), Bebas (242) dan lain-lain parti (1). Manakala ceramah tanpa permit iaitu Barisan Nasional (3), Pembangkang (6), Bebas (0) dan lain-lain (0). Sepanjang tempoh berkempen berlangsung, Kementerian Dalam Negeri tidak menerima sebarang aduan berkaitan sikap berat sebelah pihak polis dalam meluluskan permit berkenaan kepada mana-mana calon parti politik yang memohon.**